


GALERI ERA KEGEMILANGAN BRUNEI

PUSAT SEJARAH BRUNEI

GALERI ERA KEGEMILANGAN BRUNEI

Galeri ini mengandungi 5 zon yang menceritakan tentang zaman gemilangan Brunei dan peristiwa bersejarah ketika zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, Sultan Abdul Kahar, Sultan Saiful Rijal, Sultan Shah Brunei dan Sultan Muhammad Hasan.



ZON A: PENEMUAN LALUAN PELAYARAN ATAU PENGEMBARAAN KE ASIA TENGGARA

Pelayaran ke sebelah Timur menggunakan jalan laut telah dikuasai oleh orang Arab sejak berkurun-kurun lamanya sebelum orang Barat mulai berminat untuk ke sana.

Pelayaran orang Arab menuju ke Timur menggunakan jalan laut melalui Silan (Sri Langka) menuju ke Selat Melaka, ke negeri - negeri di Sumatera dan Tanah Melayu, kemudian ke negeri-negeri Laut Jawa, Laut Banda, Laut Maluku, Laut Sulawesi dan Laut Sulu.

Negeri - negeri Timur Jauh ini terkenal dengan hasil rempah - ratus dan wangi - wangian. Tujuan pelayaran adalah untuk perdagangan dan menyebarkan dakwah islamiah.

Kecemerlangan pelayaran dan penjelajahan orang Arab ini melahirkan beberapa tokoh pelayaran yang terkenal antaranya:

- Sulaiman bin Ahmad Al – Mahri (961 H/TM 1554)
- Ibnu Majid (838-913 H/TM 1507)

Manakala dari sebelah Barat juga ada melahirkan beberapa tokoh pelayaran yang terkenal antaranya:

Dari Itali;

- Marco Polo
- Christopher Columbus
- Ludovico Varthema

Dari Portugis;


- Bartholomew Diaz
- Vasco da Gama
- Alfonso de Albuquerque
- Lorenzo de Gomez
- Ferdinand Magellan

Dari Sepanyol;

- Miguel Lopez de Legazpi

Dari Belanda;

- Oliver Van Noort



Kapal layar tradisi orang Arab

The Traditional Arabic sailing vessel

ZON B: BRUNEI PUSAT PERDAGANGAN

1. PERLUASAN EMPAYAR BRUNEI

Sekitar KM 10, Brunei dikenali sebagai pusat perdagangan yang penting di Alam Melayu disebabkan kedudukannya yang strategik.

Brunei telah menjadi sebuah empayar besar di Kepulauan Melayu menjelang KM 15 setanding dengan kerajaan-kerajaan nusantara.

Sultan Bolkiah berjaya menguasai banyak negeri di pulau Borneo seperti **Sarawak, Sambas, Tanjungpura, Banjarmasin, Sukadana, Pasir, Bolongan, Kutai dan Labai**. Sementara di kepulauan Filipina pula terdiri daripada **Pulau-pulau Sulu, Mindanao, Palawan dan Saludang (Luzon)**.

2. HASIL AWAL BRUNEI

Menurut Sejarah Sung, Brunei menghasilkan langa padi dan sagu untuk dijadikan makanan. Penduduk Brunei pula menternak kambing, ayam dan menangkap ikan. Mereka juga pandai bertenun kain yang berbunga-bunga (kain sukma indera). Selain itu mereka juga menghasilkan air nira yang diekstrak daripada pohon nipah, kabong dan pokok kelapa.

Antonio Pigafetta mencatatkan hasil Brunei pada tahun 1521 adalah kapur barus, kayu manis, halia, ubar, limau manis, limau purut, nangka, semangka (tembikai), timun, labu, sengkuang, bawang dan kucai. Serta hasil ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam, angsa, rusa, gajah dan kuda.

3. PERDAGANGAN

Brunei dikenali sebagai Negara Kapur Barus atau **Mountain of Camphor** oleh orang-orang China selain nama po-ni dan po-li. Penghasilan kapur barus menjadikan Brunei sebagai sebuah negara perdagangan.

Pedagang dari negeri China, Arab, Eropah termasuk negara jiran seperti Kochin, Jawa, Singapura, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kemboja dan Siam tertarik dengan hasil mahsul Brunei yang beraneka jenis dan bermutu. Pedagang-pedagang tersebut datang ke Brunei dengan menggunakan "jong" atau "wangkang". Mereka membawa barang-barang dagangan untuk ditukar dengan pedagang tempatan seperti kapur barus, tanduk rusa, timah, gelang lengan (diperbuat daripada gading gajah), kulit kura-kura, sarang burung, wangi-wangian, kayu cendana, lilin lebah, sagu, lada hitam dan mutiara.

Kegiatan perdagangan ini bertambah masyhur pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah. Brunei terkenal mengeksport lada hitam, sagu, ikan, beras, emas dan makanan lain ke negara lain. Pada era itu juga perairan Brunei menjadi tempat persinggahan dan lalu lintas kapal perdagangan.



4. ADAT BERNIAGA DAN BERJUAL BELI

Apabila kapal pedagang dari luar sampai di Brunei dan berlabuh, sultan akan berangkat ke kapal tersebut dan diiringi oleh para pembesar. Tujuan sultan dan pembesar mengunjungi kapal tersebut adalah untuk membuat penetapan harga bagi barang-barang perniagaan. Setelah itu barulah gong dibunyikan untuk menarik perhatian orang supaya berurus dengan saudagar kapal tersebut.

Sesiapa yang memulakan perniagaan sebelum adanya penetapan harga maka dia akan dihukum dengan hukuman bunuh (bagi peniaga) dan hukuman akan diringankan (bagi saudagar kapal).

5. MATA WANG DAN ALAT TIMBANG

Pada awalnya peniaga-peniaga Brunei menjalankan perniagaan secara pertukaran barang (barter trade).

Matawang yang digunakan terdiri daripada;

- Kerang-kerangan laut seperti kulit siput (matawang pertama).
- Matawang China yang dikenali sebagai “**kue**” dan **pitis**.
- Matawang Barat (dollar) digunakan apabila Brunei membuat hubungan perdagangan dengan Sepanyol.
- Matawang tempatan dibuat daripada timah dengan logo “**Pengiran Bendahara x Raja Dungu Muhamad**” dan dikenali sebagai **Kuwi**.

6. CUKAI

Dalam mengemaskinikan sistem perdagangan agar lebih teratur, kerajaan telah memperkenalkan beberapa sistem cukai tradisi kepada golongan tertentu, iaitu;

- **Cukai Dagang**

Cukai yang diperkenalkan kepada peniaga-peniaga yang bermiaga di negara ini.

- **Cukai Serah dan Cukai Basuh Betis (kaki)**

Cukai yang dikenakan ke atas kaum bumiputera oleh golongan Pengiran atau ketua daerah yang telah melawat ke daerah yang mereka kuasai.

- **Cukai Bungkar Sauh**


Cukai yang dikenakan kepada nakhoda kapal (saudagar) apabila kapal-kapal mereka mula meninggalkan pelabuhan.

- **Cukai Tolong**

Cukai yang dikenakan oleh golongan bangsawan ke atas anak buah mereka apabila mereka mengadakan sesuatu majlis kenduri-kendara.

ZON C: HUBUNGAN BRUNEI DENGAN KUASA BARAT

1. Kedatangan kuasa barat ke Brunei



Antonio Pigafetta telah singgah ke Brunei pada TM 1521, beliau membuat laporan tentang kemasyhuran dan kekayaan Brunei dan telah diketahui oleh orang barat terutama orang Portugis, Sepanyol dan Belanda.

Kemudian mereka telah merancang untuk menguasai Brunei dengan hasrat untuk mendapatkan keuntungan dan seterusnya menyebarkan agama Kristian di wilayah jajahan Brunei.

2. Perang Kastila

Pada TM 1578, Dr. Francisco de Sande, Kapten Jeneral Sepanyol di Manila telah bertolak ke Brunei menggunakan kapal bernama “**Santiago**” diiringi oleh 40 buah kapal perang.

- Lebih 1,500 orang penduduk Pangasinan, Cagayan Pintados ikut serta dalam rombongan tersebut.
- Tiba di perairan Sungai Brunei pada 13 april 1578, Francisco de Sande menghantar surat kepada Sultan Saiful Rijal melalui 2 orang utusannya bernama Si Magat dan Si Magad China.

Antara isi kandungan surat tersebut adalah;

- Melarang wakil sultan Brunei memungut ufti di kepulauan Filipina.
- Memberhentikan penghantaran mubahigh-mubahigh Islam ke kepulauan Filipina.
- Membenarkan Sepanyol menyebarkan agama Kristian di Brunei.

Sultan Saiful Rijal telah murka terhadap sikap sepanggi kerana mencaci dan menghina Islam sehingga baginda membatalkan semua perundingan yang telah awal dipersetujui.

Sepanggi berjaya menduduki Brunei selama **72 hari** dengan pertolongan **Pengiran Seri Lela** dan **Pengiran Seri Ratna** tetapi akhirnya mereka ini telah berjaya di usir semula oleh angkatan Brunei yang diketuai oleh **Pengiran Bendahara Sakam** bersama lebih kurang 1,000 orang pemuda gagah berani hingga ke **Nausung (Sabah)** pada 26 jun 1578. Manakala Pengiran Seri Lela telah terbunuh di Bakut Jambu dan Pengiran Seri Ratna telah ditangkap dan di hukum bunuh.

3. Pengukuhan Pemerintahan Brunei

Pada KM 16, Brunei telah mengalami satu zaman perubahan yang sangat besar dan penting sekali dalam sejarah kerajaannya. Kedudukan Brunei sebagai sebuah kuasa besar yang sangat kuat dan berpengaruh di Asia Tenggara bukan sahaja dalam pentadbiran dan ekonomi, malah juga sebagai pusat penyebaran agama Islam. Perkara ini telah menyebabkan kedatangan kuasa barat yang tidak putus-putus sehingga berlakunya perperangan.

Sultan Muhammad Hasan telah membentuk pemerintahan dan menyusun kemajuan kerajaan Brunei sehingga akhirnya sebanding dengan Kerajaan Aceh di bawah pemerintahan pentadbiran Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Antara tindakan baginda;

- Mengarahkan pembinaan kota mengelilingi istana dengan diatur beberapa buah bedil dan meriam besar.
- Membina beberapa buah ghaliung dan kapal perang termasuk menyediakan ubat bedil dan alat peperangan.
- Menakluki kembali negeri-negeri di sebelah utara pulau Brunei yang telah derhaka dan putus hubungan akibat pendudukan Sepanggi di Brunei.
- Meluaskan lagi tanah jajahan wilayah Brunei, iaitu sepenggal di sebelah barat dari **Brunei menuju Sarawak sampai ke Tanjung Datu dan Tanjung Berpayung bersebelahan dengan Sambas** dan sepenggal ke Saba di sebelah timur dari **Brunei menuju Sandakan sampai ke Terusan, Lahad Datu hingga Sibuku, Tanjung Kinungan bersebelahan dengan Bolongan serta sekalian pulau dan lautnya**. Negeri-negeri Sulu, Saludang (Luzon), Cagayan dan Pulau Keramian telah Menghantar ufti setiap tahun kepada Brunei.

- Melaksanakan hukum kanun, syarak dan adat resam dalam pemerintahan.
- Mengadakan gelaran ‘Pengiran Di-Gadong’ dan ‘Pengiran Pemancha’ sebagai tambahan wazir yang sedia ada iaitu ‘Pengiran Bendahara’ dan ‘Pengiran Temenggong’.
- Utusan yang dihantar ke luar negeri diubah tarafnya kepada ‘Duta’.

ZON D: KAMPONG AYER SEBAGAI PELABUHAN, PUSAT PERDAGANGAN DAN BANDAR BRUNEI.

1. Identifikasi Nama-Nama Kampong Ayer

Kampong Ayer (Kampong Aying) sebagai pusat pemerintahan, pelabuhan dan pusat perdagangan banyak dicatatkan dalam rekod China dan barat oleh para pedagang dan pelawat yang datang singgah dan bermiaga ke Brunei. Sebutan ‘City’ atau ‘Brunei Town’ dalam catatan mereka itu jelas menggambarkan peranan dan fungsi Kampong Ayer bukan hanya sebagai kawasan penempatan penduduk tetapi juga berperanan sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan antara Brunei dengan negara-negara luar.

Keunikan Kampong Ayer terletak pada kedudukannya yang didirikan di atas air. Nama-nama kampung yang bervariasi lazimnya mengikut pekerjaan penduduk kampung, nama tokoh yang mengasaskan kampung tersebut dan penyesuaian cerita lagenda atau peristiwa yang pernah berlaku.

Pada TM 1862, Spencer St. John, mantan Ketua Konsul Pulau Borneo datang melawat Brunei dan telah mengidentifikasi sebanyak 30 buah kampung yang terdapat pada masa itu.

Walaubagaimana pun, sebilangan nama kampung-kampung tidak lagi wujud. Begitu juga terdapat penambahan dan penyesuaian nama kampung-kampung sejarah dengan konsep Melayu Islam Beraja serta perkembangan arus ekonomi dan pembangunan negara.

2. Kegiatan Perdagangan Tradisi

Sejak zaman pemerintahan sultan bolkiah kegiatan perdagangan tradisi di perairan Sungai Brunei telah giat dijalankan. Barang jualan merupakan hasil perusahaan dan kegiatan pertanian masyarakat tempatan.

Kegiatan perdagangan tradisi ini dibahagikan kepada dua iaitu;

- **Padian**

- Dikuasai oleh kaum wanita.
- Menggunakan perahu kecil yang digelar '**bidar**'.
- Mereka menjual barang keperluan harian kepada penduduk sekitar Kampong Ayer dan tebing Sungai Brunei.
- Memakai **seraung bini** (sejenis topi menutup kepala).
- Jenis barang jualan seperti **ikan, udang, buah-buahan, kuih-muih, sagu, beras, kayu api, barang perhiasan perak dan tembaga, belacan, kain tenunan dan sebagainya**.
- Aktiviti perdagangan ini telah diperkenalkan oleh pateh berbai.
- Juga dikenali sebagai '**pasar terapung di air**' ataupun '**pasar padian yang terapung di permukaan air**'.
- Kawasan penempatan terawal ialah di kota batu kemudian berpindah ke kawasan yang tertua di Kampong Saba hingga Kampong Lurung Sikuna.

- **Pengalu**

- Dikuasai oleh kaum lelaki
- Jenis perahu besar yang digunakan diberi dinding dan beratap. Biasanya 4 orang pengayuh.
- Aktiviti lazimnya berlangsung di sepanjang Sungai Brunei menuju pusat pengkalan.
- Kapasiti muatan barang mampu menampung lebih 4 ke 5 pikul (300kg).
- Mereka menggunakan sistem bertukar-tukar barang (barter trade).
- Lazimnya mereka membeli barang secara pajak daripada pembekal-pembekal dari kampung pedalaman.
- Mereka mempunyai rangkaian perhubungan dengan orang tertentu dalam urusan perdagangan.


- h. Pengalu dibahagikan kepada 2 kumpulan;
1. Berpusat di Kampong Ujung Klinik. Peniaganya terdiri daripada penduduk Kampong Saba. Mereka menjalankan perniagaan di bahagian hilir Sungai Brunei seperti Kampong Putat, Pudak dan Menunggol hingga Kupang dan Limbang.
 2. Berpusat di Kampong Limbongan terdiri daripada peniaga Kampong Tamoi, Burong Pingai dan Bukit Salat. Pengkalan tempat mereka menjalankan perniagaan ialah di kawasan Menglait, Kiarong, Tungku, Limau Manis, Junjongan, Sinarubai, Masin dan Lugu.
- i. Barang dagangan mereka **seperti tembikar, porselin, barang-barang tembaga dan perak, kain ‘asap’, kain sutera berwarna-warni, periuk besi, ikan kering dan ikan masin.**

ZON E: RENTETAN PERISTIWA PENTING DALAM SEJARAH BRUNEI DARI TAHUN 1454-1598.

Zon ini mengandungi senarai atau *table* rentetan peristiwa penting secara kronologi yang berlaku dalam sejarah Brunei merangkumi pemerintahan lima orang Sultan atau lebih dikenali sebagai Era Kegemilangan Brunei.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Galeri Era Kegemilangan Brunei sila kunjungi Galeri Pameran Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.

LOKASI PUSAT SEJARAH BRUNEI



PUSAT SEJARAH BRUNEI

Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Jalan Stoney/Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan BS 8610
Negara Brunei Darussalam

Tel: (+673) 2240166-9

Fax: (+673) 2241958

IG: pusatsejarahbrunei

Website: www.pusat-sejarah.gov.bn

WAKTU MELAWAT

DIBUKA SETIAP HARI ISNIN HINGGA
KHAMIS DAN SABTU
8:00 Pagi – 4:15 Petang

AHAD
8:00 Pagi – 12:00 Tengah Hari

JUMAAT DAN CUTI AWAM
Tutup